

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 06/08/2007

Abdullah ucap tahniah kepada Dr. Mahathir

Um - 6/8/2007

LANGKAWI 5 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini membuat pengumuman mengejut mengucapkan tahniah kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali sempena ulang tahun perkahwinan mereka yang ke-51 hari ini.

Perdana Menteri membuat pengumuman itu ketika berucap merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007 Kelapan di Pusat Pemeran Antarabangsa Mahsuri.

Beliau mengucapkan agar mereka sihat sejahtera dan panjang umur.

Mantan Perdana Menteri, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah yang duduk di meja utama di majlis itu menyambut ucapan tahniah tersebut dengan melamparkan senyuman dan kelihatan terkejut.

Kira-kira 500 orang tetamu termasuk kira-kira 10 orang ketua negara dan kerajaan yang kebanyakannya dari negara Afrika, dengan serta-merta memberikan mereka satu tepukan gemuruh.

Bekas Perdana Menteri itu berkahwin pada 5 Ogos 1956.

Ketika diminta memberikan respons terhadap ucapan tahniah Perdana Menteri itu, Dr. Mahathir berkata, "Terima kasihlah, saya tak sangka dia tahu," (diikuti dengan ketawa).

Menjawab soalan lain sama ada beliau mempunyai sebarang rancangan untuk meraikannya, beliau menjawab "Saya tiada rancangan, tetapi saya sangat gembira."

Abdullah berkata, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah telah memberi sumbangan bukan sahaja terhadap negara malah juga kepada komuniti LID.

Dr. Mahathir merupakan pengasas LID dalam 1995 yang bertanggungjawab kepada percambahan edisi yang sama di selatan dan timur Afrika.

- Bernama